

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN**  
**SBK0007-SS-2012**

**Memperkasakan Sistem Tadbir Urus Tanah dan  
Sumber Asli Kearah Pembasmian Kemiskinan di  
Negeri Sabah**

**Dr. Gaim James Lunkapis  
Dr. Paul Porodong  
Dr. Lee Kuok Tiung**

**Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Univeraiti Malaysia Sabah**

**2014**



## **Abstrak**

Karya ini adalah hasil penyelidikan berkenaan sistem tadbir urus tanah dan sumber asli di Sabah dan impaknya terhadap pembangunan ekonomi komuniti Orang Asal yang tinggal di pedalaman Sabah. Lazimnya tanggung jawab untuk melaksanakan sistem pentadbiran tanah dan sumber asli di Sabah adalah di bawah kuasa beberapa jabatan seperti Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Taman-Taman Sabah, Jabatan Pertanian dan beberapa agensi teknikal yang lain. Penyelidikan ini telah direkabentuk sebagai satu tinjauan terhadap sistem pelaksanaan sistem tadbir urus tanah dan sumber asli berdasarkan tiga kes berkaitan yang berlaku di Sabah iaitu Kampung Gana, Hutan Simpan Gumantung-Intob dan Ulu Senagang-Mongool Baru. Pendekatan yang digunakan untuk memahami dan menjelaskan isu adalah secara kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual mendalam (in-depth interview), fokus group interview dan pemerhatian. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem tadbir urus tanah dan sumber asli di Sabah masih kurang memuaskan. Berdasarkan kepada tiga kajian kes yang dijalankan, keputusan menujukkan bahawa pelaksanaan tadbir urus tanah dan sumber asli yang dijalankan oleh agensi-agensi tertentu memberi kesan yang kurang baik dan boleh menjelaskan kehidupan harian penduduk yang telibat. Diharapkan agar penyelidikan ini dapat menyumbang kepada pemantapan sistem tadbir urus tanah dan sumber asli khususnya di Sabah pada masa akan datang.

